



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**16 Februari 2023  
25 Rejab 1444H**

<b>SENARAI AKHBAR</b>	<b>TAJUK</b>
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	• Pukat rosak, poket 'koyak'
Kosmo !	•
Sinar Harian	•
The Star (Sunday Star)	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernamea	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	10-11	16.2.2023

### MALAPETAKA BAKAU HANYUT

# PUKAT ROSAK, POKET 'KOYAK'

Oleh Zuhainy Zulkiffli  
am@hmetro.com.my

#### Balik Pulau

**L**abuh pukat terus koyak, begitu situasi dihadapi nelayan di perairan Pulau Betong di sini, ketika turun ke laut apabila pukat mereka rosak akibat tersangkut pada pokok bakau hanyut.

Selain kekurangan hasil tangkapan, nelayan pantai yang menangkap ikan dan udang di perairan berkenaan juga semakin berkurangan sejak September tahun lalu.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Pulau Pinang, Arshad Omar berkata, kejadian itu dipercayai berlaku selepas pemilik tanah berhampiran didakwa melakukan kerja pembersihan tanah sepanjang dua kilometer bagi membina kolam udang.

Kerja pembersihan tanah itu

didakwa memabitkan penempatan pokok bakau.

Pokok berkenaan dikatakan dibiarkan di tebing sebelum dihanyutkan air pasang.

"Kerja pembersihan tanah di lokasi terbabit dipercayai bagi pembinaan kolam udang namun ia tidak bermakna pemiliknya boleh lakukan sesuka hati kerana kesannya ditanggung kira-kira 600 nelayan daripada empat unit nelayan.

"Ramai nelayan me-

ngadu pukat mereka kerap rosak akibat tersangkut pada pokok bakau hanyut setiap kali pukat itu dilabuhkan.

"Ketika ini, kurang 300 nelayan masih bertahan mencari hasil laut di perairan ini," katanya.

Mengulas lanjut, Arshad berkata, pukat biasanya tersangkut pada pokok bakau yang bersaiz besar dan sukar dialihkan.

Katanya, dia sudah mengirih surat kepada beberapa agensi termasuk Jabatan



**Kerja pembersihan tanah di lokasi terbabit dipercayai bagi pembinaan kolam udang namun ia tidak bermakna pemiliknya boleh lakukan sesuka hati"**

Arshad Pengairan Dan Saliran (IPS), Jabatan Perhutanan Negeri, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Perikanan Negeri dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) bagi membantu untuk mengatasi ma-

salah terbabit.

"Pengusaha kolam mendakwa, pokok bakau itu hanyut kerana hakisan. Namun, jika dilihat, sukar untuk dipercayai ia berlaku disebabkan hakisan namun kami tidak mahu menuduh sesiapa, biar pihak berkuasa jalinkan siasatan.

"Perairan ini diketahui sebagai lubuk ikan dan udang seperti udang kaki merah dan udang rawa," katanya.

Nelayan yang terkesan memabitkan empat unit nelayan iaitu Unit Nelayan Pulau Betong, Kuala Sungai Pinang, Jalan Baru dan Sungai Burung.

Harian Metro turut meninjau lokasi dengan menaiki bot bersama nelayan sejauh enam kilometer dari Jeti Unit Nelayan Pulau Betong pada jam 7 petang isitu ketika air laut mula pasang.

Hasil pemerhatian, tiada pokok bakau yang terapung di sekitar perairan.

Namun difahamkan, pokok bakau terbabit berada di dasar laut, malah ada juga longgokan pokok bakau yang sudah ditebang di tebing berhampiran.



*'Dua kali labuh, dua kali rosak'*

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY	11	16.2.2023
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL		

**Balik Pulau:** Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Barat Daya mengambil tindakan jangka pendek bagi membersihkan pokok bakau hanyut di perairan Pulau Betong, di sini.

Kerja pembersihan itu adalah bagi mengeluarkan dan melupus sisa pokok bakau berkenaan dan dijangka turut membabitkan komuniti nelayan.

Jurutera Daerah Mohamed Rizal Salim berkata, ketika ini, pihaknya sedang meneliti laluan masuk bagi kemudahan jentera mengangkut sisa pokok bakau berkenaan.

Katanya, keadaan kawasan hutan menyebabkan kerja pembersihan tidak dapat dilakukan segera dan pihaknya akan berbincang semula dengan unit nelayan sama ada perlu menggunakan bot lebih besar bagi mengangkut sisa pokok berkenaan menerusi laluan laut.

"JPS sudah mengadakan perbincangan dengan nelayan dan wakil rakyat selain melakukan siasatan serta pertemuan dengan penguasa kolum ternakan udang berkaitan.

"Ada tiga pemaju yang memajukan kolam itu dan kita dapat mereka tidak melakukan penyelenggaraan kawasan dengan baik.

"Memang terdapat hakisan tebing di kawasan itu namun kita tidak menolak kemung-



NELAYAN dikenali sebagai Lam, 40, memunjukkan pukainya yang rosak akibat tersangkut pada sisa pokok bakau di dasar laut.

## JPS ambil tindakan jangka pendek bersihkan bakau

kinan berlaku penerokaan di luar pemantauan sekitar hutan bakau berkenaan dan masih mengenal pasti pelakunya," katanya dihubungi.

Mengulas lanjut, Mohamed Rizal berkata, pemeriksaan mendapati pemaju pernah menghantar dua permohonan pada 2011 dan 2013 bagi memajukan kolam namun ia tidak mendapat so-

kongan JPS.

Katanya, memandangkan pemaju mengambil tindakan sendiri, JPS mengarah supaya mereka bertanggungjawab dengan melakukan pembersihan rutin setiap sebulan atau dua bulan di kawasan itu.

"JPS tetap beri garis panduan supaya kawasan hutan pokok bakau di kawasan berkenaan diselenggara bagi

yan bagi mendapatkan pandangan serta bantuan daripada segi pengangkutan iaitu bot lebih besar kerana pada masa ini, tiada laluan masuk yang sesuai ke lokasi dan ia menyukarkan jentera bagi mengangkut sisa pokok bakau.

"Bagi jangka panjang, JPS menanti peruntukan sesuai daripada pihak atasan bagi kegunaan kawalan hakisan di sepanjang pantai Sungai Buring hingga ke Sungai Pinang dan memohon kajian, tindakan serta kaedah sesuai untuk menjaga hutan pokok bakau di situ," katanya.

Sementara itu, Sahabat Alam Malaysia (SAM) mengesahkan pihak berkuasa supaya mengambil tindakan ke atas pelaku yang menyebabkan kemusnahan pokok bakau di perairan Pulau Betong di sini, sekiranya didapati kerja pembersihan hutan tidak mengikut prosedur atau melanggar perundangan.

Presidennya, Meenakshi Raman

berkata, kawasan bakau yang dimusnahkan perlu dibaik pulih.

Pada masa sarna, pokok bakau yang ditebang atau hanyut itu perlu dilupuskan supaya tidak timbul isu keselamatan membabitkan nelayan pantai termasuk yang menyebabkan kerosakan pada pukat mereka.

Katanya, kawasan bakau seharusnya dipelihara atau tidak ditebang langsung dan sekiranya pemilik kolam atau pemaju sudah dibenarkan untuk melaksanakan projek di situ, mereka perlu bertanggungjawab bagi memastikan ia tidak menimbulkan masalah kepada pihak lain.

"SAM sudah berulang kali menyuarakan bantahan berkaitan kemusnahan kawasan hutan bakau dan kesannya.

"Antara kepentingan hutan bakau ialah ia menjadi habitat pembiakan hidupan marin serta amat penting kepada kitaran hidupan anak ikan, udang dan ketam dalam mencari tempat perlindungan.

"SAM kecewa dan bimbang apabila mengetahui hutan bakau di kawasan ini ditebang bagi projek akuakultur dan berharap tindakan diambil terhadap pelakunya," katanya.

**"SAM sudah berulang kali menyuarakan bantahan berkaitan kemusnahan kawasan hutan"**  
Meenakshi

memastikan ia kekal terpelihara serta tidak memberi kesan kepada alam sekitar dan hidupan, termasuk komuniti nelayan.

"Kita akan bertemu semula komuniti nelayan

